

---

## BAB DUA

---

---

## LATAR BELAKANG BIMB

---

## **2.1 PENDAHULUAN**

Sistem perbankan Islam telah muncul sejak tahun 1960an lagi dengan penubuhan Mit Gharm Local Saving Bank pada tahun 1963. Ia merupakan perintis awal kepada perbankan Islam yang wujud pada hari ini. Maka bab ini akan mengulas penubuhan bank Islam di peringkat antarabangsa dan Malaysia serta sumbangan yang telah dibuatnya sejak 1995 sehingga kini.

## **2.2 SEJARAH PENUBUHAN BANK ISLAM**

Penubuhan Mit Gharm Local Saving Bank di bahagian pendalamannya lembah Nil, Mesir yang diasaskan oleh Dr. Ahmed al-Najjar dianggap sebagai perintis kepada penubuhan bank-bank Islam lain seterusnya. Bank ini menyediakan kemudahan atas bank seperti akaun simpanan, pelaburan ekuiti serta lain-lain perkhidmatan. Ketika kemuncaknya, bank ini berjaya membuka 9 cawangan dengan 250,000 pendeposit dengan nilai simpanan sebanyak 2 juta.<sup>1</sup> Walaupun mendapat sambutan hangat daripada penduduk setempat di mana jumlah penyimpannya meningkat daripada 17,560 orang bernilai £40,944.00 (mata wang Mesir) pada tahun pertama operasinya kepada 251,152 bernilai £1,828,375.00 pada akhir tahun kewangan 1966/1967, namun ia tidak dapat bertahan lama kerana kekecohan politik Mesir pada ketika itu.<sup>2</sup>

Di peringkat antarabangsa, bank Islam ditubuhkan hasil daripada perpaduan dan kerjasama ulama-ulama fiqh, ahli-ahli ekonomi dan pegawai-pegawai tinggi bank umat Islam di seluruh dunia terutama di Asia Barat yang

---

<sup>1</sup> Ibrahim Warde, *Islamic Finance In The Global Economy*, TTP : Edinburgh University Press, 2000, m.s. 73.

<sup>2</sup> Sudin Harun, *op. cit.*, m.s. 8.

memikir dan merangka bank perdagangan Islam.<sup>3</sup> Cadangan penubuhannya dikemukakan oleh perwakilan daripada Mesir dan Pakistan di Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1971. Usul ini telah diterima dan perwakilan daripada Mesir diminta membuat kajian tentang penubuhan Bank Islam dan mengemukakannya kepada Setiausaha Agong OIC.<sup>4</sup> Perwakilan ini mengemukakan kajiannya yang dinamakan "*Egyptian Study*" di Mesyuarat Ketiga di Jeddah pada Februari 1972 dan mesyuarat memutuskan untuk menubuhkan "*Financial and Economics Department*" di bawah kelolaan Setiausaha Agong OIC untuk mendapatkan maklumat tentang bank Islam.<sup>5</sup>

Pada Disember 1973, "*Financial and Economics Department*" mengemukakan hasil kajian ke Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Kewangan OIC dan mesyuarat memutuskan untuk mengeluarkan "Peristiharan Tujuan" (*Declaration Intent*) penubuhan bank Islam dan "Jawatankuasa Penyediaan" (*Preparation Committee*) yang dipengerusikan oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai setiausaha agong OIC untuk mengkaji penubuhan bank Islam. Lanjutan daripada "Peristiharan Tujuan" itu, International Development Bank ditubuhkan (IDB). Bank ini dibuka secara rasmi pada 20 Oktober 1975.<sup>6</sup> Ketika ini IDB mempunyai 53 buah negara sebagai ahlinya.

<sup>3</sup> BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, edisi ke-2, Kuala Lumpur : Percetakan Purnama, 1989, m.s. 2.

<sup>4</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *Penubuhan Bank Islam*, t.t., m.s. 1.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.*; *Background of Islamic Banking*, [http://www.isdb.org/english\\_docs/idb\\_home/backgrnd.html#established](http://www.isdb.org/english_docs/idb_home/backgrnd.html#established).

Pada mesyuaratnya yang kedua pada tahun 1974, Jawatankuasa Penyediaan telah membentangkan “*Draft Agreement of the Islamic Bank for Development*” dan mesyuarat telah menerima draf ini sebagai satu dokumen rasmi pertama membentangkan tentang pandangan umat Islam mengenai penubuhan bank Islam.<sup>7</sup> Bahkan Mesyuarat Gabenor Bank-bank Pusat OIC pada September 1980 telah menyokong penubuhan bank Islam dan kerja-kerja yang dibuat oleh Pertubuhan Antarabangsa Bank Islam (IAIB). Mesyuarat ini telah menubuhkan satu jawatankuasa yang mengkaji semua aspek tentang bank Islam serta menyediakan satu garis panduan yang standard mengenai operasi bank yang mengikut Islam.<sup>8</sup>

Dua seminar besar telah diadakan pada tahun 1978 dan 1981 mengenai ilmu Ekonomi Kewangan dan Fiskal di Mekah dan Islamabad telah memberikan pemikiran-pemikiran yang maju tentang perbankan. Di antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai permintaan dan penawaran wang, kestabilan harga dan penciptaan kredit. Di antara bank Islam yang awal ditubuhkan ialah Bank Islam Dubai pada tahun 1975, Bank Islam Faisal Mesir 1977 dan Bank Islam Faisal Sudan 1978. Maka untuk mengeratkan lagi hubungan di antara bank-bank Islam yang ada, ditubuhkan pula Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa (IAIB) yang berpusat di Jordan. Di antara usaha yang telah dibuat ialah menerbitkan Ensiklopedia Teori dan Amalan Bank Islam.<sup>9</sup> Bahkan dengan penubuhan Bank Pembangunan Islam (IDB), ia diharapkan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial di kalangan negara-negara anggota.

---

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op. cit.*, m.s. 2.

<sup>9</sup> BIMB, *op. cit.*, m.s. 2-3.

Di samping membiayai projek infrastruktur asas, industri dan bantuan teknikal, IDB juga mengukuhkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota OIC.<sup>10</sup>

### **2.3 SEJARAH PENUBUHAN BANK ISLAM DI MALAYSIA**

Pemikiran penubuhan bank Islam di Malaysia telah muncul sejak tahun 1940an lagi. Sebelum penubuhan bank Islam di Malaysia telah terdapat satu institusi kewangan Islam di Malaysia iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) yang ditubuhkan pada 1963. Institusi bukan bank ini bertindak memberikan perkhidmatan yang asasnya adalah membuat simpanan untuk ke Mekah kepada orang ramai.<sup>11</sup> Gagasan penubuhan bank Islam berdasarkan prinsip perkongsian *Mudārabah* yang secara berperingkat-peringkat telah mampu mewujudkan produk perbankan yang cukup lengkap pada awal 1970an. Bank tidak hanya sebagai tempat menyimpan tabungan orang ramai tetapi juga memberikan kepada para usahawan tempat untuk mendapatkan modal dengan cara yang sama. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa bank mempunyai 2 peranan utama :

- i. Memungut wang atau tabungan daripada orang ramai.
- ii. Sumber untuk memberikan modal kepada usahawan dengan syarat mereka membahagikan keuntungan mereka yang produktif kepada bank.

Penubuhan bank Islam di Malaysia adalah hasil usaha orang perseorangan dan pertubuhan untuk menyertai umat Islam sejagat mengamalkan peraturan Islam. Tambahan pula dengan kejayaan bank-bank Islam di Timur Tengah dalam

---

<sup>10</sup> Hidzir Yahya, "Perbankan Islam : Mengukuhkan Ekonomi Negara Islam", *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur : DBP, November 1994, m.s. 26.

bentuknya yang moden menjadi pendorong untuk mendesak kerajaan mengadakan sistem perbankan yang selaras dengan Islam.<sup>12</sup> Faisal Islamic Bank misalnya telah menarik pendeposit seramai 44,000 orang dengan jumlah deposit bernilai 336 juta dalam akaun pelaburannya. Bahkan keuntungan pada tahun pertama operasi adalah sebanyak 12 % dan 13 % pada tahun berikutnya.<sup>13</sup>

Pada Disember 1980 pula, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Yang Dipertua Perkim telah menandatangani satu "Surat Tujuan" atau "*Letter of Intent*" dengan Y.M. Amir Mohammad al-Faisal al-Saud, presiden IAIB untuk menganjurkan penubuhan bank Islam di Malaysia.<sup>14</sup>

Kongres Ekonomi Bumiputra yang diadakan pada tahun 1980 pula telah meluluskan usul yang meminta kerajaan membenarkan LUTH menujuhkan sebuah bank Islam sebagai tempat mengumpul dan melaburkan wang orang Islam. LUTH dengan ini juga membuat kajian tentang penubuhan bank Islam di mana Pengarah Besarnya telah menghadiri Seminar Antarabangsa Bank Islam dan Insuran di Geneva pada Jun 1981. Beliau membawa dokumen dan risalah-risalah penting tentang penubuhan bank Islam seperti "Model Bank Islam" yang disediakan oleh IAIB, operasi Bank Islam Faisal di Sudan dan Egypt untuk menujuhkan bank Islam di Malaysia.<sup>15</sup> Seterusnya pada Mac 1981, Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam yang diadakan di Universiti

<sup>11</sup> Rodney Wilson, "Islamic Development and Finance in Malaysia", *Leading Issues in Islamic Banking and Finance* (ed.), Selangor : Pelanduk Publications, 1995, m.s. 65.; Sabri Solomon, *Bank Islam*, TTP : Terbitan Ulama Malaysia, 1984, m.s. iv.

<sup>12</sup> Ab. Mu'min Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999, m.s. 327.

<sup>13</sup> BIMB, *Bank Islam : Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur : Percetakan Hassan and Sons Sdn. Bhd., t.t., m.s. 5.

<sup>14</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op. cit.*, m.s. 2.

<sup>15</sup> Ibid., m.s. 3.

Kebangsaan Malaysia (UKM) telah meluluskan satu resolusi yang meminta kerajaan mengambil tindakan segera untuk mengadakan undang-undang yang membolehkan penubuhan bank Islam dan badan kewangan yang menjalankan aktiviti mengikut prinsip syariat.<sup>16</sup>

Selain itu, pada Januari 1981, terdapat satu perjumpaan di Bank Pertanian yang terdiri daripada ahli Bank Pertanian, LUTH, Bank Bumiputera dan tokoh-tokoh institusi kewangan lain dan mereka telah bersetuju menubuahkan satu Jawatankuasa Kajilidik dan melantik Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin Zain sebagai pengurus. Kemuncak daripada perjumpaan ini ialah satu lawatan sambil belajar ke Timur Tengah telah dibuat dan lawatan dilakukan ke atas IAIB, Bank Islam Faisal di Cairo dan Bank Islam Faisal di Khartoum, Sudan. Hasil kajian Jawatankuasa Kajilidik ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam.<sup>17</sup>

Pada Julai 1981, Jawatankuasa Kajilidik ini telah berbincang dengan Majlis Penasihat Kewangan LUTH dan hasil perbincangan berpendapat satu Jawatankuasa Pemandu Peringkat Kebangsaan ditubuhkan bagi mengkaji dan membuat rancangan cadangan terhadap penubuhan bank Islam di Malaysia. Keahlian jawatankuasa ini hendaklah dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri supaya dapat menjalankan tugas secara rasmi.<sup>18</sup> Hasrat penubuhan bank Islam tidak saja dinyatakan oleh pertubuhan dan perseorangan, tetapi juga dinyatakan di peringkat

<sup>16</sup> Abdul Halim Ismail, "BIMB : Structure and Functions", *Seminar on Current Trends and Development of the Banking Industry in Malaysia*, Kuala Lumpur : Public Bank Berhad, 1983, m.s. 54.; Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op. cit.*, m.s. 2.

<sup>17</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op. cit.*, m.s. 3-8.

<sup>18</sup> *Ibid.*, m.s. 3.

negeri di mana negeri Kelantan dan Melaka mengeluarkan kenyataan untuk menubuhkan bank Islam.<sup>19</sup>

Atas desakan ini, kerajaan akhirnya setuju menerima syor LUTH supaya langkah menubuhkan bank Islam diselaraskan di peringkat kebangsaan. Akhirnya pada 30 Julai 1981, kerajaan melantik Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam dengan dipengerusikan oleh Y.M. Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan LUTH sebagai urusetia, seorang wakil daripada LUTH dan Bank Pembangunan dilantik sebagai setiausaha bersama dan seorang wakil daripada Bank Bumiputera sebagai pencatat. Di antara bidang tugas jawatankuasa ini ialah membuat kajian dan mengenalpasti konsep bank Islam daripada beberapa sudut kritis seperti bidang-bidang operasi dan hubungannya dengan bank dan institusi lain. Selain itu jawatankuasa ini juga membuat tinjauan kesesuaian bank Islam daripada segi agama, undang-undang, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat. Semua hasil kerja dan kajian untuk menubuhkan bank Islam samada oleh Jawatankuasa Kajilidik atau LUTH diserahkan kepada jawatankuasa ini.

Pada tarikh 5 Julai 1982, jawatankuasa ini mengeluarkan laporan yang di antara lain menyebut bahawa sebuah bank Islam yang menjalankan operasinya mengikut syariah perlu ditubuhkan dan bank berkenaan perlu juga menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk memastikan bahawa aktiviti bank dijalankan mengikut hukum Islam dengan cara memberikan panduan dalam pengurusan operasinya. Laporan yang dikeluarkan menggunakan model operasi Bank Islam Faisal di Egypt dan Bank Islam Faisal di Sudan sebagai panduan.<sup>20</sup> Hasil lawatan

<sup>19</sup> *Ibid.*, m.s. 2.

<sup>20</sup> BIMB, *op. cit.*, m.s. 4.; Sudin Haron, *op. cit.*, m.s. 7-20.

jawatankuasa ini ke Timur Tengah mendapati Bank Islam Faisal di Sudan memperolehi keuntungan 0.8 % setahun melalui akaun pelaburannya. Manakala Bank Islam Faisal di Egypt membahagikan keuntungan pada kadar 12 % setahun dalam akaun yang sama. Kajian oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Pakistan juga menunjukkan pembahagian keuntungan akaun pelaburan pada setengah tahun pertama 1981 adalah mencecah 11.5 % setahun bagi simpanan yang kurang setahun dan 15.25 % bagi simpanan yang melebihi 5 tahun.<sup>21</sup> Dengan bukti-bukti ini, jawatankuasa akhirnya membuat keputusan bahawa penubuhan bank Islam adalah satu projek yang berdaya maju samada daripada segi operasi atau keuntungan.

Akhirnya bank Islam pertama di Malaysia ditubuhkan dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan pembukaannya dilakukan oleh Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Julai 1983. BIMB diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Bank Islam 1983. Ia diperbadankan di bawah Akta Bank Islam pada 1 Mac 1983 dan akta ini berkuatkuasa pada 11 Mac 1983 sebagai sebuah bank perdagangan yang menjalankan operasi bank mengikut prinsip-prinsip Islam. Akta ini menggariskan peraturan yang mesti dipatuhi oleh BIMB dan Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal BIMB. BIMB diberikan lesen dengan akta ini dan memulakan operasinya pada Julai 1983 di Kuala Lumpur dan membuka cawangannya yang pertama di Terengganu pada November 1983. Bank menjalankan operasinya dengan dua kumpulan pelanggan iaitu peminjam dan pemodal atau penyimpan.

---

<sup>21</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op .cit.*, m.s. 8.

Satu intisari penting daripada operasi bank ini adalah "Muamalat Urusan Bank dan Kewangan tanpa Riba".<sup>22</sup>

Untuk memudahkan operasinya, BIMB diberikan kuasa terlibat dengan tukaran asing yang berkuatkuasa pada Julai 1983 termasuk menerima deposit daripada bukan warganegara. Sehingga 31 Disember 1983, jumlah sumber dana BIMB mencecah RM170.6 juta di mana RM91 juta daripadanya adalah daripada deposit pelanggan (RM47.1 juta daripada deposit diminta, RM34.3 juta akaun pelaburan am dan RM9.6 juta akaun simpanan). Deposit untuk tahun 1984 pula telah meningkat kepada RM274.9 juta ringgit peningkatan sebanyak 202.1 %.<sup>23</sup> Pada tempoh yang sama, jumlah kreditnya telah mencapai RM40.7 juta ringgit dan pada akhir 1984, jumlahnya meningkat sebanyak RM209.1 juta kepada RM249.8 juta ringgit. Ia telah meningkat dengan kadar pertumbuhan 513.7 %. Pembahagian pembiayaan BIMB pada awal operasinya untuk tahun 1983 dan 1984 boleh dilihat di dalam jadual 2.1.

Jadual 2.1 : Pembahagian pembiayaan BIMB untuk tahun kewangan 1983-1984.

Pembiayaan	1983 (%)	1984 (%)
BBA	60.3	77.6
<i>Murābahah</i>	21.7	9.7
<i>Ijārah</i>	13.5	5.4
<i>Mudārabah</i>	4.2	1.7
Lain-lain	0.3	5.6
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Laporan Tahunan BNM, 1983 dan 1984.  
Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

<sup>22</sup> BNM Annual Report 1983.; BNM, *BNM dan Sistem Kewangan di Malaysia : Perubahan*

Jadual di atas menunjukkan taburan pembiayaan BIMB untuk tahun kewangan 1983 dan 1984. Pada tahun 1984 berlaku peningkatan pembiayaan BBA daripada 60.3 % kepada 77.6 % iaitu RM193.8 juta ringgit. Pembiayaan *Mudārabah* pula telah mengalami pengurangan daripada 4.2 % kepada 1.7 % tetapi dengan jumlah pembiayaan yang bertambah sebanyak RM25.4 juta ringgit kepada RM42.5 juta ringgit. Pada dasarnya, pertambahan dalam jumlah pinjaman atau pembiayaan adalah tidak seimbang kerana pertambahan dalam pembiayaan adalah lebih tinggi daripada pertambahan dalam simpanan. Pada tahun 1983 nisbah pinjaman-simpanan adalah sebanyak 44.7 % dan meningkat pada tahun 1984 kepada 90.9 %. Nisbah pembiayaan pula pada tahun 1984 untuk BBA adalah 77.6 %, 9.7 % untuk *Murābahah*, 5.4 % untuk *Ijārah* dan 1.7 % untuk *Mudārabah*.<sup>24</sup>

Pada tahun yang sama, BNM memperkenalkan Akta Pelaburan Kerajaan 1983 yang memberikan kuasa kepada kerajaan untuk mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK) berdasarkan prinsip syariah yang membolehkan BIMB memenuhi keperluan mudah tunainya dan melaburkan lebihan dana jangka pendeknya. Sebelum ini kerajaan sukar untuk memberikan modal kepada BIMB kerana sijil yang dikeluarkan adalah terlibat dengan unsur-unsur riba.<sup>25</sup> Pada tahun 1984, BIMB membuka cawangan baru di Kota Bharu, Alor Setar dan Butterworth.<sup>26</sup> Matlamat utama penubuhan bank Islam adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan semua keperluan kepada semua masyarakat.

---

<sup>23</sup> *Sedekad 1989-1999*, m.s. 273.; BIMB, *op. cit.*, t.t., m.s. 19-20.

<sup>24</sup> BIMB, Annual Report 1983 dan 1984.

<sup>25</sup> BNM, Laporan Tahunan 1984.

<sup>26</sup> BNM, *op. cit.*, m.s. 273.

<sup>27</sup> BNM, Laporan Tahunan 1984.

<sup>28</sup> BNM, Laporan Tahunan 1997.

<sup>28</sup> *Ibid.*

Pada Januari 1992 BIMB disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pada Mac 1993, Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah dilancarkan yang membenarkan bank-bank Konvensional memberikan perkhidmatan perbankan Islam. Pada Disember 1998 pula Skim Perbankan Islam SPI diperkenalkan. Pada Jun 1995, BNM menubuhkan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).<sup>27</sup> Pada Mei 1997, Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Majlis) ditubuhkan yang bertujuan untuk mengawal dan menyelia operasi perbankan Islam dan Takaful.<sup>28</sup>

Pada 22 Ogos 1997 pula, Skim Penyusunan Semula telah dilakukan oleh BIMB yang membawa perubahan besar dalam pengurusan dan pentadbiran syarikat. Proses penyusunan semula ini melibatkan penjualan anak-anak syarikat BIMB kepada BIMB Holdings Berhad, Perbadanan BIMB Holdings Berhad dan pertukaran saham BIMB kepada BIMB Holdings Berhad menjadikan BIMB anak syaikat milik penuh BIMB Holdings Berhad. Akibatnya pada September 1997, kaunter BIMB di Papan Utama BSKL ditukar kepada BIMB Holdings Berhad.<sup>29</sup>  
(Sila lihat lampiran 4 untuk mengetahui perkembangan lanjut BIMB)

Pada tahun 1999, bank Islam kedua ditubuhkan yang dinamakan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Bank ini merupakan hasil gabungan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan Bank of Commerce (M) Berhad

---

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> BNM, Laporan Tahunan 1999.

<sup>31</sup> *Ibid.*

(BOCB) akibat daripada krisis kewangan 1997. Bank ini memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999.<sup>30</sup>

Jadual 2.2 : Jumlah deposit dan pembiayaan bank Islam di Malaysia pada akhir tahun 1998-2000.

Perkara	RM (bilion)					
	1998	%	1999	%	2000	%
Deposit	4,040	25.3	9,713	140.4	11,304	16.7
Pembiayaan	3,650	8.9	5,030	37.8	6,426	27.8
Nisbah Pembiayaan-Deposit (%)						
	90.3	-13.6	51.8	-42.7	56.8	9.7

Sumber : BNM, Laporan Tahunan 1998-2000.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.2 menunjukkan taburan deposit dan pembiayaan perbankan Islam untuk tahun kewangan 1998-2000. Daripada jadual didapati pada tahun 1999, berlaku peningkatan deposit sebanyak RM5.7 bilion kerana kewujudan BMMB. Pada tahun 2000, jumlah ini bertambah sebanyak RM1.6 bilion kepada RM11.3 bilion. Sejajar dengan itu, kadar pertumbuhannya juga meningkat daripada 25.3 % pada tahun 1998 kepada 140.4 %, tetapi menurun pada tahun 2000 kepada 16.7 %. Jumlah pembiayaan juga meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 1999 daripada RM3.7 bilion tahun sebelumnya. Jumlah pembiayaan meningkat RM1.4 bilion pada tahun 2000 kepada RM6.4 bilion tetapi dengan kadar pertumbuhan yang menurun daripada 37.8 % kepada 27.8 %.

Melihat kepada nisbah pembiayaan-deposit pula, ia menunjukkan nisbah yang positif, namun hanya pada tahun 2000 sahaja kadar pertumbuhannya adalah positif iaitu 9.7 %. Pertumbuhan untuk tahun 1998 dan 1999 walaupun nisbah

---

<sup>30</sup> BNM, Laporan Tahunan 1999.

pembiayaan-deposit adalah positif tetapi kadar pertumbuhannya adalah negatif iaitu 13.6 % dan 42.7 %.

Oleh kerana kajian ini terhad kepada aktiviti pelaburan, maka kajian akan membincangkan tentang produk-produk dan perkhidmatan yang berdasarkan prinsip *Mudārabah* dan *Musyārakah* sahaja dengan BBA dan *Murābahah* sebagai perbandingan di BIMB.

## 2.4 PERKHIDMATAN DI BIMB.

### 2.4.1 Perkhidmatan Deposit.

Di dalam menyediakan perkhidmatan ini, BIMB menyediakan tiga jenis akaun iaitu akaun semasa, akaun simpanan dan akaun pelaburan. Perbincangan ini hanya akan menyentuh mengenai akaun simpanan dan pelaburan sahaja kerana hanya dua akaun ini yang menyediakan perkhidmatan berbentuk pelaburan yang dikehendaki Islam dan akaun semasa pula hanya sebagai perbandingan.

Akaun simpanan terdiri daripada beberapa bentuk iaitu akaun simpanan dengan prinsip *al-Wadi<sup>c</sup>ah ya al-Damānah*,<sup>31</sup> akaun simpanan al-Ijraa, al-Wadi dan Pewani. Walaubagaimanapun, akaun simpanan *Wadi<sup>c</sup>ah* dibincangkan sebagai perbandingan sahaja dan tidak disentuh secara mendalam.

---

<sup>31</sup> *Waadi<sup>c</sup>ah* merupakan perjanjian di antara bank dan penyimpan untuk bank menjaga simpanannya. *Ya al-Damānah* merupakan simpanan dengan jaminan kerana pihak bank meminta izin untuk menggunakan simpanan atau terus menggunakannya tanpa izin. Bank bertanggungjawab terhadap

Akaun simpanan *Mudārabah* pula melibatkan bank dan pelanggan yang membuat sesuatu projek. Pembahagian keuntungan dibuat berdasarkan untung dan rugi serta persetujuan kedua-dua pihak. Keuntungan dikira dengan mengambil purata baki akaun setiap bulan dan akan dikreditkan ke dalam akaun bank. Oleh kerana ia merupakan simpanan pelanggan, pelanggan berhak untuk mengeluarkan wangnya pada bila-bila masa. Jika berlaku kerugian, maka ia ditanggung oleh pelanggan.

Akaun pelaburan di BIMB dilaksanakan mengikut kontrak *Mudārabah*. Pelanggan menyimpan wangnya selama tempoh yang ditetapkan untuk mendapatkan pembahagian keuntungan melalui pelaburan oleh bank. Pelaburan bank meliputi tiga jangka masa, jangka masa pendek iaitu kurang dari setahun, jangka masa sederhana di antara satu hingga tiga tahun dan jangka masa panjang yang melebihi 3 tahun. Bank diberi kepercayaan dan amanah untuk menggunakan simpanan pelanggan dalam projek yang dibiayainya. Di dalam hal ini, bank merupakan pengusaha yang mengusahakan sesuatu projek dan pelanggan sebagai pemilik modal. Keuntungan akan dibayar ke atas baki simpanan pelaburan berdasarkan pembahagian untung dan rugi yang dibuat mengikut persetujuan. Akaun ini mempunyai 2 bentuk iaitu akaun pelaburan am dan akuan pelaburan khas.<sup>32</sup>

Akaun pelaburan am merupakan akaun pembiayaan ekuiti yang berasaskan prinsip *Mudārabah*. Deposit pelanggan adalah tertakluk kepada tempoh matang yang tetap. Ini kerana dalam sesetengah hal, bank akan

---

kehilangan simpanan dan semua manfaat atau keuntungan dari penggunaan simpanan itu adalah milik penyimpan.

membuat pelaburan yang ditentukan oleh pengusaha. Para pendeposit akan berkongsi keuntungan dengan bank berdasarkan kadar perkongsian yang ditetapkan. Akaun ini banyak melibatkan persatuan, syarikat, kerajaan dan lain-lain. Pada masa ini bank mengambil 30 % dan pelanggan 70 % keuntungan, namun kadar ini boleh berubah mengikut keperluan dan persetujuan bersama. Akaun ini mempunyai tempoh-tempoh tertentu iaitu 1,3,6,9,12,15,18,24,36,48,60 bulan dan lebih. Namun pelanggan tidak berhak campurtangan dalam urusan pelaburan dan pengurusan modal bank. Jika pelaburan pelanggan menanggung kerugian, pelanggan akan menanggung semua kerugian.<sup>33</sup>

Akaun pelaburan khas pula mula dibuka pada Januari 1984.<sup>34</sup> menggunakan wang pelanggan yang simpanannya tertakluk kepada tempoh matang yang tidak tetap. Simpanan ini dilaburkan mengikut kehendak pelanggan kepada aktiviti yang lebih umum dan biasanya diberikan kepada organisasi tertentu seperti agensi kerajaan dan korporat. Pada kebiasaannya bank akan melaburkan wang pelanggan di dalam Sijil Pelaburan Kerajaan dan perdagangan komoditi. Bayaran balik simpanan dengan keuntungan adalah berdasarkan kadar perkongsian keuntungan yang khusus mengikut persetujuan di dalam rundingan. Oleh itu keuntungan dan kerugian akan diagihkan kepada simpanan bergantung kepada projek yang dibiayai oleh simpanan berkenaan.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup> Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam, *op. cit.*, m.s. 31.; BIMB, *op. cit.*, m.s. 19.

<sup>33</sup> BNM, *Buletin Perangkaan Bulanan*, Ogos 2001, m.s. 147.; BIMB, *Organization and Operations*, edisi ke-4, 1995, m.s. 11-12.

<sup>34</sup> BNM, Annual Report 1983.

<sup>35</sup> *Ibid.*

Jadual di bawah menunjukkan deposit bagi akaun simpanan (termasuk di dalamnya akaun simpanan *Mudārabah*, Ijraa, Wadi dan Pewani) serta akaun pelaburan (termasuk di dalamnya akaun pelaburan am dan khas).

Jadual 2.3 : Jumlah Deposit BIMB 1995-2000 (RM '000).

Jenis	1995	1996	1997*	1998**	1999	2000
Akaun Semasa	595,426	733,964	916,672	857,711	952,919	1,220,036
Akaun Simpanan	467,823	612,103	741,693	716,917	742,084	764,305
Akaun Pelaburan	1,800,884	1,847,068	2,055,748	1,352,017	3,417,283	5,347,833
Lain-lain Akaun	1,830	3,146	2,428	53,280	37,677	39,773
<b>Jumlah</b>	<b>2,865,963</b>	<b>3,196,281</b>	<b>3,716,541</b>	<b>2,979,925</b>	<b>5,149,963</b>	<b>7,371,947</b>

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

\* Bermula jumlah deposit adalah berdasarkan kumpulan.

\*\* Jumlah deposit termasuk pembiayaan hutang lapuk dan kerugian dalam dana *Mudārabah*.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.3 di atas menunjukkan jumlah deposit BIMB untuk tahun kewangan 1995-2000. Daripada jadual didapati terdapat pertambahan sebanyak RM4.5 juta atau meningkat dengan kadar 157.6 % bagi jumlah deposit yang dikeluarkan oleh BIMB untuk tempoh 5 tahun yang lalu. Jumlah deposit meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 1998 di mana hampir keseluruhan akaun mengalami penurunan deposit. Akaun pelaburan saja telah menurun daripada RM205.5 bilion kepada hanya RM135.2 bilion. Akaun ini mengalami penurunan yang paling tinggi beranding dengan akaun-akaun lain seperti akaun semasa dan simpanan yang turun kepada RM857 juta daripada RM916 juta dan RM716 juta daripada RM741 juta. Ini berikutan daripada krisis kewangan yang berlaku yang menjaskan kemampuan dan keyakinan para pelabur dan orang ramai untuk banyak menyimpan kerana penurunan mata wang.

Jika dilihat jumlah deposit dalam tempoh 5 tahun ini, akaun pelaburan didapati mencatat jumlah tertinggi sebanyak RM15.8 bilion berbanding dengan akaun semasa dan simpanan yang hanya mencatat kira-kira RM4 bilion sahaja. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bahawa orang ramai mempunyai penglibatan yang tinggi terhadap akaun ini berbanding akaun lain. Malah pada tahun 2000 akaun ini menyumbang 72.4 % daripada keseluruhan deposit di BIMB.

Daripada segi komposisi depositnya pula, pada tahun 1995, 58 % jumlah deposit adalah dalam bentuk akaun pelaburan diikuti dengan akaun semasa sebanyak 23 % dan 19 % bagi akaun simpanan. Akaun pelaburan sentiasa turun naik pada tahun berikutnya tetapi kenaikan tertinggi berlaku pada tahun kewangan 2000 di mana akaun ini telah menyumbang 72 % jumlah deposit berbanding dengan akaun semasa 16 % dan akaun simpanan 10 % dan lain-lain akaun 0.5 % sahaja. Akaun ini mencatat penurunan paling rendah pada tahun 1998 dengan hanya menyumbang 38 % daripada jumlah deposit. Oleh itu walaupun akaun pelaburan mengalami penurunan, tetapi kadar kenaikannya lebih tinggi daripada mana-mana akaun dan penurunannya juga tidak lebih rendah daripada mana-mana akaun.

Jadual 2.4 : Pertambahan dan pengurangan deposit BIMB 1995-2000 (RM'000).

Jenis	1996	1997	1998	1999	2000
Akaun Semasa	138,538 23	182708 25	(58961) (6)	95208 11	267117 28
Akaun Simpanan	144280 31	129590 21	(24776) (3)	25167 4	22221 3
Akaun Pelaburan	46184 3	208680 11	(703731) (34)	2065266 153	1930550 56
Lain-lain Akaun	1316 72	(718) (23)	50852 2094	(15603) (29)	2096 6
<b>Jumlah</b>	<b>330318 12</b>	<b>520260 16</b>	<b>(736616) (20)</b>	<b>2170038 73</b>	<b>2221984 43</b>

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.4 menunjukkan taburan tambahan dan pengurangan deposit untuk tahun kewangan 1995-2000. Jumlah pertambahan deposit untuk tempoh 65 tahun adalah sebanyak RM450.6 bilion atau 157 %. Pada tahun 1998, semua akaun mengalami pertambahan negatif dengan akaun pelaburan menyumbang paling banyak pengurangan iaitu sebanyak 34 % atau RM704 juta berbanding dengan akaun semasa dan simpanan yang berkurangan pada kadar 6 % dan 3 % sahaja. Walaupun begitu pada tahun berikutnya, setiap akaun mengalami pertambahan deposit kecuali pada lain-lain akaun yang mengalami pengurangan sebanyak 29 %. Akaun pelaburan mencatat pertambahan yang positif sekali dengan kenaikan 153 % kepada RM206.5 bilion berbanding dengan akaun semasa dan simpanan yang hanya bertambah 11 % dan 3.5 % sahaja.

Pada tahun 2000 pula, akaun pelaburan mencatat kenaikan sebanyak 56 % dan masih merupakan akaun yang mencatat pertambahan tertinggi berbanding akaun-akaun lain. Malah daripada keseluruhan penambahan tahun itu, akaun ini menyumbangkan 86.9 % daripada keseluruhan penambahan.

Jadual 2.5 : Jumlah Pendeposit BIMB 1995-2000.

Tahun	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Pendeposit	435,884	504,317	557,529	611,532	647,507	714,063
(%)	(9.15)	(15.0)	(10.55)	(9.69)	(5.88)	(10.28)

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

Jadual 2.5 menunjukkan jumlah pendeposit BIMB di seluruh negara untuk tahun kewangan 1995-2000. Jadual menunjukkan jumlah pendeposit BIMB adalah meningkat setiap tahun dengan pertambahan di antara 35,975 orang sehingga 68,433 orang sepanjang tempoh 6 tahun operasinya. Peratusan paling banyak didapati pada tahun 2000 dengan pertambahan 10.28 % atau seramai 66,556 pendeposit. Peratusan pendeposit paling sedikit didapati pada tahun 1995 dengan hanya pertambahan sebanyak 9 % atau 36,556 pendeposit. Manakala pada tahun-tahun kemelesetan ekonomi, jumlah pendeposit bertambah sebanyak 54,003 tetapi pada kadar pertumbuhan yang menurun daripada 10.55 % kepada 9.7 %. Kadar pertumbuhannya menurun lagi pada tahun 1999 pada kadar 5.9 % sebelum meningkat semula tahun 2000 kepada 10.3 %.

Jadual 2.6 : Jumlah deposit dan pendeposit untuk 1998-2000.

Jenis Akaun (Pendeposit)	1998	1999	2000
Akaun Semasa	1,008,248 (62,425)	1,417,369 (68,661)	1,575,345 (73,542)
Akaun Simpanan	851,241 (533,825)	742,732 (477,170)	789,350 (520,559)
Akaun Pelaburan	1,517,409 (39,768)	4,685,772 (35,882))	4,365,837 (31,087)
Akaun Simpanan <i>Mudārabah</i>	-	138,234 (97,658)	174,171 (121,780)
<b>Jumlah</b>	<b>3,376,897 (636,008)</b>	<b>6,984,107 (679,371)</b>	<b>6,904,535 (746,968)</b>

Sumber : Jabatan Latihan BIMB.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual di atas menunjukkan taburan deposit dan pendeposit untuk tahun kewangan 1998-2000. Daripada jadual didapati bahawa terdapat peningkatan jumlah deposit dan pendeposit untuk setiap akaun. Jumlah pertambahan deposit untuk tempoh berkenaan adalah sebanyak RM3,353 juta atau pertambahan dengan kadar 99 %. Pertambahan pendeposit pula sebanyak seramai 110,960 ribu orang dengan kadar 17 %.

Akaun semasa mengalami peningkatan deposit sebanyak RM567.1 juta dengan kadar pertumbuhan sebanyak 56 %. Tetapi bagi akaun simpanan pula, untuk tempoh berkenaan telah mengalami penurunan sebanyak RM61.9 juta pertumbuhan negatif 7 %. Jika dilihat pada akaun pelaburan pula, akaun ini telah mengalami peningkatan sebanyak RM2,848.4 juta atau dengan kadar 188 %. Walaubagaimanapun, jumlah pendeposit menurun sebanyak 8,681 orang atau kadar pertumbuhan negatif 22 %. Oleh itu walaupun jumlah deposit adalah memberangsangkan jika melihat kepada keadaan ekonomi yang semakin pulih, tetapi jumlah pendeposit yang semakin menurun menunjukkan semakin ramai mereka yang tidak menyimpan di dalam akaun ini. Tambahan pula untuk tahun 2000, pertambahan deposit telah menurun sebanyak RM319.9 juta atau pertumbuhan negatif 6.8 %. Manakala untuk akaun simpanan *Mudārabah* pula, untuk tahun 2000 telah mengalami peningkatan sebanyak RM35.9 juta pada kadar 26 %. Jumlah pendeposit juga bertambah sebanyak 24,122 orang atau pada kadar 24 %. Keadaan ini menunjukkan akaun simpanan *Mudārabah* mampu untuk menarik minat orang ramai untuk menyimpan walaupun ia hanya satu bentuk perkongsian yang pasif.

#### **2.4.2 Perkhidmatan Pembiayaan**

Pembiayaan di BIMB meliputi 3 bidang am :

1. Bank membiayai pelanggan yang mahu mendapatkan harta tetap samada yang boleh dipindahkan atau tidak seperti tanah atau kilang.
2. Bank membiayai keperluan modal pusingan pelanggan seperti untuk mendapatkan bahan mentah atau alat ganti.
3. Bank membiayai atau melabur bersama di dalam sesuatu projek atau sebahagian daripada projek itu.

Perkhidmatan pembiayaan ini biasanya mempunyai tempoh tertentu iaitu jangka masa pendek dengan kurang daripada setahun, jangka sederhana di antara satu hingga tiga tahun dan jangka panjang yang melebihi tiga tahun. Di antara perkhidmatan yang disediakan ialah pelaburan atau pembiayaan berdasarkan *Muḍārabah*, *Musyārakah*, BBA dan *Murābahah*. Namun di dalam kertas kerja ini, tumpuan diberikan kepada pembiayaan *Muḍārabah* dan *Musyārakah* sahaja kerana kedua-duanya memberikan pelaburan berbentuk perkongsian untung dan rugi berbanding dengan BBA dan *Murābahah* yang lebih berbentuk jualan.

##### **a. Pembiayaan *Muḍārabah***

Pembiayaan ini menjadikan bank sebagai pemodal kepada sesuatu projek dan pelanggan sebagai pengusaha yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek berkenaan. Jika projek mendapat keuntungan, maka ia dibahagikan mengikut nisbah keuntungan yang telah dipersetujui bersama. Bank hakikatnya tidak campurtangan secara langsung tetapi

boleh membuat pengawasan dari semasa ke semasa terhadap projek untuk memastikan tiada kecuaian yang boleh menyebabkan bank menanggung semua kerugian yang berlaku kecuali jika atas kecuaian pelanggan atau pengusaha sendiri.(Sila lihat Bab Satu untuk keterangan lanjut).

**b. Pembiayaan *Musyārakah***

Pembiayaan ini menggabungkan kedua-dua bank dan pelanggan di dalam berkongsi modal atau pengurusan terhadap sesuatu usaha. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan mengikut persetujuan di dalam akad dan tidak semestinya mengikut sumbangan pembiayaan masing-masing. Walaubagaimanapun bank boleh membenarkan rakan kongsi membuat segala pengurusan dan jika berlaku kerugian, maka ia ditanggung mengikut nisbah sumbangan. (Sila lihat Bab Satu untuk keterangan lanjut).

Jadual 2.7 : Jumlah pembiayaan\* di BIMB 1995-2000 (RM '000).

Pembiayaan	1995	1996	1997	1998	1999	2000
BBA	903,811	1,384,103	1,840,895	2,320,577	2,428,325	2,883,697
<i>Murābahah</i>	452,086	474,995	483,823	867,248	1,228,311	1,156,849
<i>Musyārakah</i>	17,779	19,987	20,464	12,980	20,751	17,517
<i>Mudārabah</i>	11,347	19,878	18,434	18,468	18,774	219,939
<b>Jumlah</b>	<b>1,385,023</b>	<b>1,898,963</b>	<b>2,363,616</b>	<b>3,219,273</b>	<b>3,696,161</b>	<b>4,278,002</b>

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

\*Termasuk di dalamnya peruntukan hutang lapuk dan ragu.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.7 menunjukkan taburan pembiayaan BIMB untuk tahun kewangan 1995-2000. Jadual menunjukkan bahawa terdapat pertambahan hampir RM3 bilion atau pada kadar pertumbuhan 208.8 % bagi jumlah

pembiayaan yang dikeluarkan oleh BIMB untuk tempoh 5 tahun yang lalu.

Daripada jadual didapati pembiayaan BBA dan *Murābahah* sentiasa meningkat setiap tahun (kecuali *Murābahah* pada tahun 2000) berbanding dengan *Mudārabah* dan *Musyārakah*. Pembiayaan BBA pada tahun 1996 telah meningkat kepada RM1.4 bilion daripada RM904 juta dan pada tahun 2000 jumlahnya meningkat kepada RM2.9 bilion. Pembiayaan *Murābahah* pula meningkat kepada RM1.2 bilion pada tahun 2000 berbanding RM452 juta pada tahun 1995 dengan kadar pertumbuhan 156 %.

Pembiayaan *Musyārakah* pula kadar pertumbuhan yang negatif untuk tahun kewangan 2000 berbanding dengan tahun 1995 sebanyak 1.8 % atau pengurangan sebanyak RM262 juta. Pembiayaan *Mudārabah* pula mengalami peningkatan pada tahun 2000 kepada RM220 juta daripada RM11 juta pada tahun 1995 dengan kadar pertumbuhan melebihi 1000 %.

Jadual 2.8 : Pertambahan dan pertumbuhan pembiayaan BIMB 1996-2000 ('000).

Jenis	1996		1997		1998		1999		2000	
	+/-	%	+/-	%	+/-	%	+/-	%	+/-	%
BBA	480,292	53	456,792	33	479,682	26	107,748	5	455,732	19
<i>Murābahah</i>	22,909	5	8,828	2	383,425	79	361,063	42	(71,462)	(6)
<i>Musyārakah</i>	2,208	12	477	2	(7,484)	(36)	7,771	60	(3,234)	(16)
<i>Mudārabah</i>	8,531	75	(1,444)	(7)	34	0.18	306	2	201,165	1,072
Jumlah	513,940	37	464,653	24	855,657	36	476,888	15	582,201	16

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jumlah pertambahan dan kadar pertumbuhan tahunan BIMB ditunjukkan di dalam jadual 2.8. Merujuk kepada jadual tersebut, arah aliran di dalam jumlah pembiayaan adalah turun naik dari setahun ke

setahun. Pada akhir tahun kewangan 1996, ia meningkat sebanyak RM514 juta kemudian turun sebanyak RM465 juta sebelum meningkat semula pada tahun 1998 sebanyak RM856 juta. Jumlah ini turun semula pada tahun 1999 sebanyak RM477 juta sebelum meningkat semula pada tahun 2000 sebanyak RM582 juta. Seiringan dengan turun naik jumlah pertambahan ini, kadar pertumbuhannya juga turun naik yang positif tetapi pada kadar yang berkurangan. Kadar pertumbuhan meningkat daripada 37 % pada tahun 1996 kepada 24 % pada tahun 1997 dan 36 % pada tahun 1998. Pada tahun 2000, kadar pertumbuhannya hanya setakat 16 % peningkatan 1 % daripada sebelumnya.

Dari segi perkembangan dan kadar pertumbuhan untuk jenis pembiayaan pula, kecuali pembiayaan *Musyārakah*, pembiayaan lain boleh disimpulkan sebagai mengalami turun naik yang positif. Pembiayaan BBA meningkat sebanyak RM480 juta pada tahun 1996 dan menurun pada tahun 1997 sebanyak RM457 juta. Untuk 3 tahun terakhir, jumlahnya meningkat sebanyak RM480 juta pada tahun 1998 sebelum turun mendadak sebanyak RM108 juta pada tahun 1999 dan meningkat semula pada tahun 2000 sebanyak RM456 juta. Kadar pertumbuhan tertinggi untuk BBA adalah pada tahun 1996 iaitu 53 %, namun kadarnya semakin menurun pada tahun-tahun berikutnya kepada 33 % dan 26 % dan 5 % dan naik sedikit pada tahun 2000 sebanyak 19 %. Pembiayaan *Murābahah* pula menurun sebanyak RM9 juta (2 %) berbanding sebelumnya meningkat sebanyak RM23 juta (5 %). Pada tahun 1998, jumlahnya meningkat sebanyak RM383 juta (79 %) tetapi pada akhir

tahun kewangan 2000, jumlahnya berkurangan sebanyak RM71 juta dengan kadar pertumbuhan negatif 6 %.

Untuk pembiayaan *Musyārakah* pula, pada tahun 1998 jumlahnya berkurangan sebanyak RM7.5 juta berbanding sebelumnya yang bertambah sebanyak RM477 juta. Pada tahun 1999, jumlahnya bertambah sebanyak RM7.8 juta tetapi berkurang semula sebanyak RM3 juta pada tahun 2000. Kadar pertumbuhannya pula adalah seiringan dengan pertambahan dan pengurangannya iaitu negatif 36 % pada tahun 1998, 60 % tahun 1999 dan negatif semula tahun 2000 kepada 16 %. Pembiayaan *Mudārabah* pula mengalami penurunan pembiayaan pada tahun 1997 sebanyak RM1 juta berbanding 1996 meningkat sebanyak RM8 juta. Pembiayaan ini mengalami pertambahan positif pada tahun 1998 sebanyak RM34 ribua atau 0.18 %, RM306 juta atau 2 % pada tahun 1999 dan RM201 juta pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan melebihi 1000 %. Kecuali pembiayaan BBA, pembiayaan-pembiayaan lain pernah mengalami kadar pertumbuhan negatif. Pembiayaan *Murabahah* mengalami kadar pertumbuhan negatif pada tahun 2000 sebanyak 6 %. Pembiayaan *Musyārakah* mencatat dua kali pertumbuhan negatif iaitu pada tahun 1998 dan 2000 negatif 36 % dan 16 %. Pembiayaan *Mudārabah* pula mencatat pertumbuhan negatif pada tahun 1997 sahaja iaitu 7 %.

Melihat kepada jumlah pembiayaan dan peruntukan pembiayaan berkenaan, didapati pembiayaan *Mudārabah* dan *Musyārakah* tidak

mendapat tempat yang penting dalam operasi pembiayaan bank berbanding dengan BBA dan *Murābahah*. Ini dapat dilihat kepada pertambahan pembiayaan BBA dan *Murābahah* sebanyak RM2.1 bilion dan RM7.5 juta untuk tempoh 5 tahun lalu berbanding dengan *Musyārakah* yang mengalami pengurangan sebanyak RM262 juta dan *Mudārabah* sebanyak RM209 juta. Seiring dengan ini kadar pertumbuhanya juga rendah iaitu negatif 1.47 % walaupun kadar pertumbuhan *Mudārabah* melebihi 1000 %. BBA pula sebanyak 136 % dan *Murābahah* sebanyak 156 %.

Mengikut Laporan Tahunan BNM 1997 menyatakan bahawa 90 % pembiayaan secara Islam di Malaysia dilakukan secara berkadar tetap iaitu BBA dan *Murābahah*. Ini berikutan perbankan Islam tidak dapat bertindak pantas dengan persekitaran yang berkadar faedah tinggi kerana ketiadaan mekanisme kadar terapung. Maka untuk menampung kekurangan ini, perbankan Islam mendapatkan pelaburan daripada perlaburan *Mudārabah* daripada pasaran wang secara Islam. Keadaan ini membenarkan dakwaan sesetengah pihak bahawa bank tidak mampu untuk mengagihkan keuntungan secara berkesan di antara penyimpan dan peminjam modal kerana tidak mampu untuk mempengaruhi penggunaan modal ke arah yang lebih menguntungkan. *Mudārabah* dan *Musyārakah* sepatutnya digunakan kerana BBA dan *Murābahah* tidak menggunakan modal dan usaha yang sepenuhnya ke arah yang lebih efektif dan berkesan.<sup>36</sup>

---

<sup>36</sup> Joni Tamkin Borhan, "Bank Islam Malaysia Berhad : Some Issues, Problems and its Prospects in the Future", *Jurnal Syariah*, j. 7, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, 1999, m.s. 117.

Jadual 2.9 : Nisbah deposit dan pembiayaan BIMB dengan perbankan Islam 1999-2000 (RM bilion).

<b>Perkara</b>	<b>1999</b>	<b>2000</b>	<b>Perubahan (%)</b>	
			<b>1999</b>	<b>2000</b>
Jumlah Deposit Institusi Kewangan	24,804	35,923	50.6	44.8
Deposit Perbankan Islam	9,685	11,304	140.4	16.7
<b>Deposit BIMB</b>	<b>5,549</b>	<b>7,382</b>	<b>57.1</b>	<b>33</b>
Jumlah Pembiayaan Institusi Kewangan	13,724	20,891	28	52.2
Pembiayaan Perbankan Islam	5,030	6,426	37.8	27.8
<b>Pembiayaan BIMB</b>	<b>3,994</b>	<b>4,802</b>	<b>14.4</b>	<b>20.2</b>

Sumber : Laporan Tahunan BNM 1999-2000.

Laporan Tahunan BIMB holdings Berhad 1999-2000.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.9 menunjukkan taburan deposit dan pembiayaan BIMB berbanding dengan perbankan Islam dan seluruh institusi kewangan di Malaysia. Deposit BIMB adalah 22.3 % daripada keseluruhan deposit institusi kewangan dan 57.3 % daripada perbankan Islam pada tahun 1999. pada tahun 2000, nisbah deposit BIMB meningkat kepada 65.3 % daripada perbankan Islam. Pembiayaan BIMB pula mengambil 29.1 % daripada keseluruhan pembiayaan institusi kewangan dan 79.4 % daripada perbankan Islam pada tahun 1999. namun pada tahun 2000, nisbahnya menurun kepada 23 % dan 74.7 %.

Nisbah kadar pertumbuhan deposit BIMB pula mengambil 40.7 % pada tahun 1999 daripada deposit perbankan Islam dan 197.6% pada tahun 2000. pembiayaannya pula mengambil 38.1 % pada tahun 1999 dan 72.7 % pada tahun 2000 daripada perbankan Islam. Peningkatan nisbah kadar pertumbuhan ini adalah seiring dengan kadar pertumbuhan pembiayaan BIMB daripada 14.4 % pada tahun 1999 kepada 20.2 % pada

tahun 2000 walaupun dengan kadar pertumbuhan deposit yang berkurangan hdaripada 57.1 % kepada 33 % untuk tempoh yang sama.

Jadual 2.10 : Pembiayaan\* mengikut sektor oleh BIMB 1995-2000 ('000).

Sektor	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Pertanian, Perlombongan, Perkuarian	40,769	48,640	156,697	154,544	187,728	194,449
Perkilangan	484,023	600,685	535,648	474,545	672,356	638,233
Hartanah dan Pembinaan	208,756	510,499	473,630	486,170	445,751	802,515
Perumahan	248,141	295,506	537,519	1,143,085	1,336,643	1,158,760
Perdagangan Am	148,206	123,300	146,925	334,124	300,338	135,760
Kewangan, Insuran, Khidmatan Pelanggan	40,849	62,039	41,662	34,524	84,430	112,136
Kredit Pengguna	43,241	99,290	118,339	129,293	191,921	233,708
Lain-lain	306,701	340,808	555,652	736,366	775,146	1,526,594
Jumlah	1,520,686	2,080,767	2,566,072	3,492,651	3,994,313	4,802,118

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

\* Setelah ditolak hutang lapuk dan ragu.

Jadual 2.10 menunjukkan taburan pembiayaan ke atas sektor-sektor ekonomi untuk tahun kewangan 1995-2000. Daripada jadual didapati pada tahun 1998, semua sektor meningkat kecuali pertanian, perkilangan dan kewangan serta insuran. Di antara sektor yang mengalami peningkatan paling banyak ialah perdagangan sebanyak RM187.2 juta atau 127.4 %, diikuti sektor perumahan sebanyak RM605 juta atau 112.6 % kadar pertumbuhan, kredit pengguna RM11 juta atau 9.2 %, hartanah dan pembinaan mengalami peningkatan sebanyak RM12.5 juta atau penurunan 2.6 % daripada tahun sebelumnya. Didapati sektor yang tidak terjejas ketika kegawatan ialah sektor perdagangan am dan perumahan. Ini menunjukkan pelanggan tetap menggunakan produk BBA berbanding produk-produk lain. Ini dapat dilihat kepada jumlah pembiayaan pada

tahun 1998, produk *Musyārakah* mengalami kadar pertumbuhan negatif 36 % berbanding produk BBA dan *Murābahah* (Sila lihat jadual 2.8)

Pada tahun 2000, terdapat penurunan dan kenaikan yang ketara dalam sektor-sektor ekonomi. Semua sektor mengalami peningkatan pembiayaan kecuali prkilangan dan perdagangan am serta perumahan. Sektor pertanian didapati mengalami peningkatan yang ketara sebanyak RM6.7 juta atau kadar pertumbuhan 3.6 %, diikuti dengan sektor harta tanah dan kewangan yang masing-masing meningkat 80 % dan 32.8 %. Sektor perumahan pula mengalami pengurangan sebanyak RM178 juta dengan kadar pertumbuhan negatif 13.3 %. Sektor perkilangan walaupun meningkat pada tahun 1999 sebanyak RM198 juta daripada sebelumnya tetapi pada tahun 2000 ia turun mendadak sebanyak RM34.1 juta pada kadar 5.1 %.

Melihat kepada komposisi pembiayaan sektor pula, pada tahun 1995, sektor yang mendapat perhatian adalah perkilangan diikuti dengan sektor perumahan dengan masing-masing mendapat 31.8 % dan 16.3 % daripada keseluruhan pembiayaan. Pertanian pula hanya mendapat 2.7 % pembiayaan tahun berkenaan. Pada tahun 2000 pula, pertanian tidak mendapat perhatian untuk dibiayai di mana ia hanya 4.04 % daripada keseluruhan pembiayaan berbanding dengan harta tanah dan perumahan 16.7 % dan 24.1 %. Ini menunjukkan pada masa ini perkilangan dan pertanian tidak mendapat perhatian yang cukup daripada pihak bank untuk diaktifkan sebagai sektor yang produktif dan berdaya maju pada masa

depan. Maka kesimpulan daripada jadual ini ialah sektor perumahan sentiasa mendapat tempat, sektor harta tanah semakin popular dan sektor perkilangan dan pertanian tidak mendapat bantuan yang sewajarnya.

Jadual 2.11 : Saiz pembiayaan\* BIMB yang berakhir Disember 1998 ('000).

<b>Saiz Pembiayaan</b>	<b>BBA</b>	<b>Murābahah</b>	<b>Musyārakah</b>	<b>Mudārabah</b>
Kurang RM1000	9	1	-	-
RM1001-RM5000	19,794	1,020	-	-
RM5001-RM10,000	42,169	1,174	1	-
RM10,001-RM50,000	315,947	29,045	-	-
RM50,001-RM100,000	426,655	13,189	67	-
RM100,001-RM150,000	282,074	5,423	3	-
RM150,001-RM200,000	211,401	5,419	115	500
RM200,001-RM500,000	262,220	20,341	-	730
RM500,001-RM1 Juta	100,291	38,110	890	-
RM1,000,001-RM5 Juta	137,126	81,476	3,500	5,000
Melebihi RM5 Juta	828,111	449,081	14,199	6,750
<b>Jumlah</b>	<b>2,625,797</b>	<b>644,279</b>	<b>18,775</b>	<b>12,980</b>
<b>Jumlah Pembiayaan Keseluruhan</b> <b>3547560</b>				

Sumber : Jabatan Latihan BIMB

\*Termasuk keuntungan oleh bank  
Bentangan disesuaikan mengikut keperluan

Jadual 2.11 menunjukkan taburan saiz pembiayaan yang dibuat oleh BIMB berakhir Disember 1998. Jadual menunjukkan jumlah pembiayaan untuk prinsip *Musyārakah* dan *Mudārabah* adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan pembiayaan berbentuk BBA dan *Murābahah*. Pembiayaan BBA misalnya telah mengambil 74 % daripada keseluruhan pembiayaan manakala *Musyārakah* dan *Mudārabah* hanya mengambil sejumlah 0.9 % sahaja. Keadaan ini dapat difahami kerana bank sebagai sebuah bank perdagangan mempunyai tanggungjawab terhadap pemegang saham dan pendepsoit. Namun ini tidak menafikan

kepentingan *Musyārakah* dan *Mudārabah* sebagai instrumen penting untuk meningkatkan kebijakan masyarakat. Kesannya amat kurang kerana perhatian yang kurang diberikan oleh pihak bank terhadap prinsip ini.

Jadual 2.12 : Jumlah pembiayaan mengikut sektor berakhir pada Disember 1998 ('000).

Jenis Sektor	RM ('000)
Pertanian, Perlombongan Dan Pengkuarian	156,681
Perkilangan	584,451
Pembinaan	209,653
Perdagangan Am	143,712
Kewangan, Insuran Dan Perkhidmatan Pelanggan	139,032
Perumahan	1,201,459
Kredit Pengguna	99,780
Lain-lain	1,012,794
<b>Jumlah</b>	<b>3,547,562</b>

Sumber : Jabatan Latihan BIMB.  
Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 2.12 menunjukkan pembiayaan oleh bank ke atas sektor-sektor ekonomi tertentu yang berakhir pada Disember 1998. Pembiayaan paling banyak dibuat adalah dalam sektor perumahan yang mengambil 33.9 % daripada keseluruhan pembiayaan berbanding dengan pertanian dan perkilangan yang mengambil hanya 4.4 % dan 16.5 % masing-masing. Jumlah keduanya tidak dapat menandingi jumlah pembiayaan perumahan. Tambahan pula dengan unjuran yang dibuat untuk tahun 2001 yang telah mengunjurkan skim pembiayaan perumahan bernilai RM1 bilion berikutan daripada prospek yang cerah dalam sektor hartanah pada masa akan datang, menenggeiamkan sektor pertanian dan perkilangan.<sup>37</sup>

<sup>37</sup> Nor Liza Ahmad, "BIMB Unjur Pertumbuhan Skim Biaya Rumah RM1B", *Berita Harian*, 1 Julai 2001, m.s. 12.

#### **2.4.3 Pembiayaan/Perkhidmatan Perdagangan Lain.**

Ia merupakan satu perkhidmatan sampingan yang diberikan kepada pelanggan perniagaan untuk menyempurnakan urusniaga mereka. Adakalanya ia memberikan perkhidmatan pembiayaan secara langsung atau sebaliknya. Di antara pembiayaan perdagangan BIMB yang berbentuk pelaburan adalah Surat Kredit yang meliputi prinsip *al-Wakālah*, *al-Musyārakah* dan *al-Murābahah*. Di dalam hal ini Surat Kredit *al-Musyārakah* sahaja yang akan dibincangkan.

Surat Kredit *al-Musyārakah* dikeluarkan oleh bank apabila bank turut sama menyumbangkan modal untuk membeli atau mengimport barang yang dihendaki pelanggan. Oleh itu pelanggan hanya membayar separuh harga dan keuntungan daripada penjualan barang berkenaan akan dikongsi bersama mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Mengikut peraturannya, pelanggan perlu mendepositkan wangnya kepada bank. Setelah itu Surat Kredit akan dikeluarkan kepada pembekal mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh mereka. Apabila proses rundingan selesai, bank akan membayar kepada pembekal dengan deposit pelanggan dan wangnya sendiri. Seterusnya dokumen perdagangan akan dikeluarkan kepada pelanggan dan bank akan mengambil sedikit komisyen ke atas perkhidmatannya. Setelah itu pelanggan boleh menjual barang berkenaan.

Walaupun begitu, maklumat berkenaan dengan jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ini serta jumlah pembiayaanya tidak dapat diperolehi kerana kesukaran oleh pihak bank untuk mengeluarkan rekod sedemikian yang merupakan rahsia bank.

## 2.5 KESIMPULAN

Penubuhan BIMB di Malaysia telah hampir menjangkau 20 tahun dengan memberikan perkhidmatan pembiayaan berbentuk hutang dan ekuiti. Namun di antara kedua-dua bentuk perkhidmatan itu, pembiayaan berbentuk hutang telah mendapat perhatian yang lebih daripada pembiayaan berbentuk ekuiti. Walaupun simpanan berbentuk *Mudārabah*, Ijraa, Pewani dan Sakinah telah diperkenalkan pada tahun-tahun 1990an, namun kerana ia hanya pembiayaan perkongsian yang berbentuk pasif, ia tidak menyumbang kepada peningkatan taraf hidup secara menyeluruh. Pembiayaan berbentuk *Musyārakah*, jika adapun tidak sampai RM20 juta (Sila lihat semula jadual 2.11). Penulis berpendapat jika faktor kerugian yang menjadi bentuk penilaian bank untuk meluluskan dan terlibat di dalam projek menggunakan prinsip *Musyārakah* atau *Mudārabah*, faktor ini boleh dielak dengan mengambil sikap berhati-hati dan memonitor setiap projek agar tidak berlaku kecuaian dan penyalahgunaan. Walaupun begitu, penulis mengakui mungkin terdapat sesetengah perkara yang bukan di dalam bidang kuasa bank yang jika berlaku boleh menjaskan prestasi dan nama baik bank.